

Mesyuarat Pemimpin APEC ke-30

KL terus erat hubungan baik dengan AS, China'

Beri ruang negara terus perkukuh kepentingan nasional tanpa desakan memihak

Daripada Sharanjit Singh
bhnews@bh.com.my

San Francisco: Malaysia akan tetap meneruskan hubungan kukuh dengan China dan Amerika Syarikat (AS) tanpa didesak untuk memilih atau condong kepada satu pihak berbanding yang lain.

Penegasan itu dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada syarahan khas bertajuk *Super Power Rivalry and Rising Tensions in the Asia Pacific* di University of California di

sini, semalam.

Beliau berkata, pembabitan kedua-dua kuasa besar itu memberi Malaysia ruang yang lebih strategik untuk memajukan kepentingan nasionalnya, justeru Putrajaya akan terus menjalinan hubungannya dengan kuasa besar itu secara pragmatik dan bijaksana.

"Ini bukan permainan siapa untung dan siapa rugi,...ini tahun 2023. Kita sudah cukup menghadapi konflik Perang Dingin dan pertukaran kebencian, jadi jangan paksa kami untuk berpihak.

"Malaysia, sama seperti banyak negara lain di ASEAN yang kekal merdeka. Kami bekerja untuk berkhidmat kepada negara dan akan terus membabitkan semua orang," katanya.

Anwar menjelaskan, AS sudah menjadi rakan sekutu tradisional yang sangat penting dan pelaburan AS berjaya membantu memacu ekonomi Malaysia se-



Anwar beramah mesra bersama pelajar selepas menyampaikan syarahan khas di University of California, semalam.

(Foto BERNAMA)

bagai negara perdagangan.

Bagaimanapun, pada masa sama, beliau berkata China juga adalah negara jiran yang matang dari segi kerancakan ekonominya di mana Malaysia akan mendapat manfaat yang besar dengan membabitkan China sebagai rakan dan sekutu yang boleh dipercayai.

Bincang jika ada isu timbul

"Kami tidak mempunyai sebarang masalah. Jika ada sebarang isu kami bincangkan. Secara kumulatif, AS kekal teratas dari segi jumlah pelaburan tetapi China kini semakin menjadi antara pelabur utama di Malaysia.

"Jadi apa yang anda harapkan kami lakukan. Anda mahu kami

memihak atau mendapat manfaat dengan membabitkan kedua-dua pihak?," katanya.

Anwar juga menegaskan adalah penting bagi negara seperti AS untuk tidak mengenakan syarat.

"Dalam pengalaman saya, China tidak mengenakan syarat. AS kadangkala berasa agak kecewa mengapa Malaysia atau Anwar, khususnya yang menghabiskan masa bertahun-tahun mengajar di Universiti George Town, kini condong sedikit ke arah China.

"Kami tidak condong, kami ketulan dekat dengan China," katanya sambil menambah adalah penting bagi kuasa besar seperti AS untuk membabitkan diri dan mendengar pendapat

orang lain.

Anwar berkata demikian pada sesi soal jawab selepas menyampaikan syarahan berkenaan yang dihadiri kira-kira 250 pelajar dan dikendalikan oleh Profesor Terhormat, Dr Vinod Aggarwal.

Aggarwal sebelum ini meminta Anwar menghuraikan ucapannya yang menyentuh hubungan Malaysia bersama AS dan China.

Menyentuh mengenai peningkatan ketegangan di Laut China Selatan, Anwar berkata, pendirian Malaysia kekal bahawa ia menentang keras sebarang tindakan yang menjejaskan integriti wilayah atau kebebasan pelayarannya.